



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7264 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

21 NOVEMBER 2025

KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Parlimen telah mengadakan tiga (3) prosiding berhubung Pengurusan Kenderaan Kerajaan Di Bawah Perjanjian Konsesi dengan memanggil saksi-saksi berikut untuk memberikan keterangan:
 - i. Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF) pada 3 November 2025;
 - ii. Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan (MINDEF), KSU Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan KSU Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 17 November 2025; dan
 - iii. Ketua Pegawai Eksekutif SPANCO Sdn. Bhd. pada 18 November 2025.
2. Dimaklumkan bahawa PAC telah selesai prosiding berhubung isu ini dan akan memulakan proses penyediaan Penyata.
3. Selain itu, PAC Parlimen telah pun mengadakan tiga (3) prosiding bagi isu berhubung Pengurusan Perkhidmatan Bayaran Wang Jaminan Mahkamah melalui Sistem e-Jamin dengan memanggil saksi-saksi berikut untuk memberikan keterangan:
 - i. Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada 4 November 2025;
 - ii. Syarikat Dapat Vista (M) Sdn. Bhd. pada 19 November 2025; dan
 - iii. Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF) pada 20 November 2025.

4. Setelah mendengar keterangan daripada sesi prosiding berkenaan, Jawatankuasa ini akan memanggil tiga (3) lagi saksi iaitu:
 - i. Jabatan Perdana Menteri (JPM);
 - ii. Jabatan Peguam Negara (AGC); dan
 - iii. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
5. Ini bertujuan melengkapkan prosiding bagi membolehkan Jawatankuasa ini menyediakan Penyata yang lebih menyeluruh. Tarikh prosiding akan ditetapkan kemudian.
6. Kedua-dua isu ini adalah isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025.
7. Di samping itu, PAC telah menerima kunjungan daripada delegasi Badan Peguam Malaysia pada 20 November 2025. Perbincangan utama adalah mengenai penubuhan *Ad Hoc Parliament Liaison Committee* ("AHPLC") oleh Majlis Peguam, yang bermatlamat untuk menjadi penghubung antara kedua-dua pihak.
8. PAC melihat potensi kerjasama yang erat melalui inisiatif ini dan mengalu-alukan usaha bersama untuk memperkukuh tadbir urus yang telus dan bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen